

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD
GAWANGAN KOTA BHARU

HAZLEEN NUR BT HASHIM

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2006

613383

Perpustakaan
Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

L11 FPE 2 2006



1100045548

Laporan akhir latihan industri di Syarikat Takaful Malaysia Berhad Cawangan Kota Bharu / Hazleen Nur Hashim.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100045548

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEN

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN KOTA BHARU**

OLEH

**HAZLEEN NUR BT HASHIM
SARJANA MUDA PENGURUSAÑ
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Dan Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2006

1100045548



Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **Hazleen Nur binti Haji Hashim (UK 9420)**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **SOS 4299** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan kandungan laporan ini.

Tandatangan,

A handwritten signature in blue ink, appearing to read "Hazleen". It is placed above a dotted line.

Nama : Hazleen Nur binti Haji Hashim

Tarikh : 18 Ogos 2006

Disahkan oleh:

A handwritten signature in blue ink, appearing to read "Rosyidah". It is placed above a dotted line.

Penyelia KUSTEM

Pn. Rosyidah binti Muhamad

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

(KUSTEM)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya membolehkan saya menyiapkan laporan Latihan Industri ini. Dalam usaha menghasilkan laporan ini, saya banyak dibantu oleh Penasihat Akademik saya iaitu Pn. Rosyidah Bt Muhamad. Saya rasa tanpa tunjuk ajar serta teguran membina yang diberikan, saya mungkin tidak dapat menyiapkan laporan ini seperti mana yang digariskan.

Di kesempatan ini juga, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Syarikat Takaful Malaysia Berhad, cawangan Kota Bharu kerana sudi menerima saya untuk menjalani latihan praktikal sebagai pelengkap bagi program akademik dan membolehkan saya memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian. Ucapan setinggi ribuan terima kasih juga kepada Encik Mohd Azlini bin Zakaria, Puan Nor Sharmawati binti Ahmad, Encik Ahmad Nazri bin Hassan, Encik Wan Mohd Jasmin bin Wan Ibrahim dan Encik Ahmad Lutfi bin Othman yang telah sudi menjadi Penyelia Latihan (PL) sepanjang saya menjalani latihan praktikum di Takaful Malaysia ini. Mereka juga banyak memberi tunjuk ajar serta berkongsi maklumat-maklumat berguna kepada saya bagi membolehkan saya menyiapkan laporan ini.

Walau bagaimanapun, jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada staf-staf di Takaful Malaysia yang telah banyak memberi inspirasi kepada saya bagi menghasilkan laporan yang sebaik mungkin. Untuk keluarga saya pula, terima kasih di atas sokongan dan dorongan yang di berikan sebagai bekalan saya menyiapkan laporan ini. Akhir sekali, terima kasih sekali lagi kepada semua individu yang terlibat membantu saya menyiapkan laporan ini samada secara langsung atau tidak langsung.

ISI KANDUNGAN

Pengesahan Keaslian Laporan	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Ringkasan Eksekutif	vi
BAB I	
LATAR BELAKANG	1
1.1 PENGENALAN	1
1.2 LATAR BELAKANG.....	1
1.2.1 Misi.....	3
1.2.2 Objektif.....	3
1.3 PRINSIP-PRINSIP TAKAFUL MALAYSIA.....	4
1.3.1 Al-Takaful.....	4
1.3.2 Al-Mudharabah	6
1.3.3 <i>Tabarru'</i>	8
1.4 PRODUK-PRODUK TAKAFUL MALAYSIA.....	11
1.4.1 Takaful Keluarga	11
1.4.2 Takaful Am.....	12
1.5 PENCAPAIAN SYARIKAT	13
1.6 CARTA ORGANISASI SYARIKAT TAKAFUL CAWANGAN KOTA BHARU.....	14
1.7 SENARAI TUGAS SETIAP UNIT	15
1.7.1 Unit Pentadbiran Dan Operasi	15
1.7.2 Unit Pemasaran Dan Perkhidmatan Takaful Am.....	15
1.7.3 Unit Pemasaran Perbankan Dan Takaful Berkelompok	15
1.7.4 Unit Pemasaran Dan Perkhidmatan Takaful Individu.....	16



1.7.5 Pengurusan Dan Penyeliaan Cawangan	16
1.8 KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI.....	16
1.8.1 Pengetahuan Tentang Sistem Pengurusan Dalam Sesebuah Organisasi.....	17
1.8.2 Memperdalamkan Pengetahuan Dalam Melihat Peluang-Peluang Pekerjaan.....	18
1.8.3 Budaya Kerja	18
1.8.4 Pengurusan Pentadbiran	19
1.8.5 Komunikasi	20
BAB II	
SISTEM SEDIA ADA, PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN.....	28
2.1 PENGENALAN	28
2.1.0 <i>Takaful Integrated System (TIS)</i>	28
2.1.0.1 Sistem Sedia Ada.....	28
2.1.0.2 Pengenalpastiaan Masalah.....	23
2.1.0.3 Cadangan Penyelesaian	24
2.1.1 Sistem Takaful Keluarga (FTS).....	25
2.1.1.1 Sistem Sedia Ada.....	25
2.1.1.2 Pengenalpastian Masalah.....	26
2.1.1.3 Cadangan Penyelesaian	26
2.1.2 Sistem Takaful Am (GTS)	27
2.1.2.1 Sistem Sedia Ada.....	27
2.1.2.2 Pengenalpastiaan Masalah	28
2.1.2.3 Cadangan Penyelesaian	29
2.2 PENUTUP	37
BAB III	
ANALISIS SWOT	38
3.0 PENGENALAN	38
3.1 KEKUATAN SYARIKAT (STRENGTH)	38
3.1.1 Pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 dan Penarafan A1 oleh Rating Agency Malaysia (RAM).....	33
3.1.2 Anugerah Pengendali Takaful Terbaik Oleh Majalah Euromoney.	33
3.1.3 Tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia.....	34
3.1.4 Takaful Malaysia Tidak Menggunakan Agen	34



3.2 KELEMAHAN SYARIKAT (WEAKNESS)	35
3.2.1 Perlaksanaan Operasi Cawangan	35
3.2.2 Kelemahan Disiplin Pekerja	36
3.2.3 Tiada Kerjasama Khusus Dengan FELDA	37
3.2.4 Tidak Dapat Menyediakan Cenderamata Kepada Peserta Korporat Takaful	38
3.3 PELUANG SYARIKAT (OPPORTUNITY).....	38
3.3.1 Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia (TPSM) Masuk ke Sekolah-sekolah	39
3.3.2 Skim Takaful Rumah Desa	39
3.3.3 Kerjasama Dengan Pos Malaysia	46
3.3.4 Teknologi Maklumat.....	46
3.3.5 Pelan Takaful Keluarga Berkelompok Orang Kurang Upaya (OKU)47	47
3.3.6 Keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan 1972 dan Resolusi Islamic Fiqh Academy OIC 1985.....	47
3.4 ANCAMAN SYARIKAT (THREAT)	48
3.4.1 Ancaman Para Pesaing	48
3.4.2 Kewujudan Maybank Takaful	43
3.4.3 Permohonan Lesen Bagi Mengendalikan Takaful Oleh Syarikat Konvensional	44
3.4.4 Kerjasama Strategik Antara Takaful Nasional Dengan Bank Muamalat	44
3.4.5 Takaful Nasional Menggunakan Ramai Agen	45
3.5 PENUTUP	45
BAB IV	
PENUTUP DAN CADANGAN	47
4.0 PENUTUP	47
4.1 CADANGAN	48

RUJUKAN

LAMPIRAN



RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri (LI) atau praktikum merupakan syarat penting yang wajib diambil oleh setiap pelajar Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE) Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial untuk bergraduat. Bagi memenuhi syarat ini, saya telah memilih Syarikat Takaful malaysi Berhad cawangan Kota Bharu sebagai tempat untuk menimba sedikit pengalaman dalam dunia pekerjaan dan ini amat berguna sekali untuk saya praktikkan apabila tamat belajar nanti.

Melalui LI, pelajar akan terlibat secara langsung dalam bidang pekerjaan. Oleh itu pelbagai manfaat yang dapat dipelajari oleh pelajar kerana dapat mempelajari pelbagai sistem dan corak pentadbiran yang dijalankan oleh sesebuah organisasi. Melalui LI juga, akan membolehkan pelajar memupuk semangat serta lebih berkeyakinan untuk menempuh alam pekerjaan apabila tamat belajar kelak.

Objektif Latihan Industri yang dijalankan adalah bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang alam pekerjaan sebenar, membolehkan pelajar mengaitkan teori-teori yang telah dipelajari dengan aspek-aspek praktikal atau sebaliknya, menanam semangat kerja berpasukan dan perhubungan baik sesama pekerja. Melalui latihan praktikal juga dapat menanam sifat amanah, bertanggungjawab dan berkeyakinan diri, mengamalkan peraturan-peraturan keselamatan di dalam latihan dan menyediakan laporan rasmi dan lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh KUSTEM.

Secara keseluruhannya, Latihan Industri ini adalah satu kursus yang sangat penting dan berguna kepada para pelajar untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri. Segala pengetahuan dan pengalaman yang dipelajari akan dapat diaplikasikan oleh pelajar apabila berada dalam pekerjaan yang sebenar dan seterusnya dapat membantu pelajar menghadapi realiti alam pekerjaan kelak.